



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (93) 06/11

JALINAN KERJASAMA MALAYSIA BERSAMA NEGARA ANGGOTA ASEAN
DIPERKUKUH DALAM MENDEPANI ISU PERTAHANAN SERANTAU DAN
ANTARABANGSA

JAKARTA - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan kini sedang mengadakan lawatan kerja ke Indonesia bagi mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (*ASEAN Defence Ministers' Meeting*, ADMM) ke-17 dan ADMM-Plus ke-10 di Jakarta, Indonesia bermula pada 15 hingga 16 November 2023.

Mesyuarat yang berlangsung selama dua (2) hari ini dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto, Menteri Pertahanan Indonesia selaku Pengerusi ADMM dan ADMM-Plus bagi tahun 2023. YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan juga akan menghadiri Mesyuarat Tidak Rasmi ASEAN-US dan ASEAN-Japan selain mesyuarat ADMM dan ADMM-Plus.

Kehadiran YB Menteri Pertahanan bersama delegasi Malaysia ke ADMM ke-17 dan ADMM-Plus ke-10 ini amat penting bagi memperlihatkan kepimpinan Malaysia dan kesatuan ASEAN dalam membincangkan isu-isu pertahanan dan keselamatan peringkat serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama.

Mesyuarat ADMM dan ADMM-Plus juga merupakan satu langkah membina keyakinan (*confidence building measure*) dalam mendepani situasi semasa serta meningkatkan kerjasama pelbagai hala dalam mendepani isu-isu pertahanan dan keselamatan di rantau Asia Tenggara.

ADMM dan ADMM-Plus ini merupakan platform utama untuk Negara Anggota ASEAN dan Rakan Dialog ASEAN dalam meningkatkan kebolehoperasian dan kebersamaan antara angkatan tentera negara masing-masing dalam bidang-bidang yang dikenal pasti. Terdapat lapan (8) Rakan Dialog ASEAN yang terdiri daripada Amerika Syarikat, Australia, China, India, Jepun, Korea Selatan, New Zealand, dan Rusia.

Dalam hal ini, Malaysia dan Pengerusi Bersama Korea Selatan baru sahaja menamatkan kepengerusian bersama bagi *ADMM-Plus Experts' Working Group on Cyber Security (ADMM-Plus EWG on CS)* bagi kitaran 2021-2023. Malaysia seterusnya akan mempengerusikan bersama dengan India bagi *ADMM-Plus EWG on Counter Terrorism (CT)* bagi kitaran 2024-2027.

Penyertaan Malaysia dalam mesyuarat ADMM dan ADMM-Plus menandakan komitmen berterusan Malaysia kepada ASEAN yang mana Malaysia merupakan salah satu negara pengasas kepada organisasi yang telah ditubuhkan pada tahun 1967.

Malaysia seterusnya mengucapkan tahniah kepada Indonesia selaku Pengerusi ASEAN tahun 2023 atas kejayaan penganjuran Mesyuarat ADMM ke-17 dan ADMM-Plus ke-10. Kementerian Pertahanan juga telah mula membuat persiapan bagi mesyuarat yang sama dimana ASEAN bakal dipengerusikan oleh Malaysia pada tahun 2025.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
15 November 2023